

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2006

TANGGUNGJAWAB MEMPENGERUSIKAN LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI DI PERINGKAT KEMENTERIAN/ NEGERI/ AGENSI

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab Ketua Setiausaha/ Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Agensi bagi mempengerusikan Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) di peringkat Kementerian/ Negeri/ Agensi.

LATAR BELAKANG

2. Perenggan 47, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 menetapkan bahawa Pengerusi LPK di peringkat Kementerian/ Negeri/ Agensi adalah seperti berikut:

“(a) Pengerusi : Ketua Setiausaha/ Timbalan Ketua Setiausaha/ Setiausaha Bahagian yang bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber manusia, SUK/TSUK, Ketua Agensi/ Timbalan Ketua Agensi”.

3. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan PTK di peringkat Kementerian/ Negeri/ Agensi selaras dengan pentingnya PTK dalam pengurusan sumber manusia, penglibatan Ketua Jabatan sangat diperlukan bagi menerajui Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK). Ini adalah selaras dengan kedudukan LPK sebagai badan tertinggi dalam menentukan dasar dan pelaksanaan PTK di peringkat Kementerian/ Negeri/ Agensi.

4. Peranan Ketua Setiausaha/ Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Agensi adalah penting dalam mempengerusikan LPK berasaskan perkara-perkara berikut:

4.1 PTK telah dijadikan sebagai syarat penting dalam pembangunan kerjaya pegawai;

4.2 Peranan Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Agensi sebagai peneraju pembangunan sumber manusia berasaskan kompetensi di agensi masing-masing akan menjadi lebih berkesan sekiranya mereka menjadi Pengerusi Lembaga Penilaian Kompetensi;

4.3 Kepimpinan Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Agensi dapat mempercepatkan proses pembudayaan kecemerlangan perkhidmatan awam melalui pembelajaran

berterusan yang dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan; dan

- 4.4 Peranan Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Agensi sebagai Pengerusi Lembaga Penilaian Kompetensi akan meningkatkan komitmen terhadap pelaksanaan PTK di setiap Kementerian/ Negeri/ Agensi.
5. Adalah dengan ini Pengerusi LPK sebagaimana di peruntukkan di perenggan 47 (a) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 dipinda seperti berikut:

“(a) Pengerusi : Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Agensi”.

6. Oleh yang demikian, pindaan tersebut hendaklah dilaksanakan dan semua Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi memastikan pengerusi LKP adalah sebagaimana yang ditetapkan, iaitu:

| PERINGKAT | PENGERUSI |
|------------------|----------------------------------|
| Kementerian | Ketua Setiausaha (KSU) |
| Negeri | Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) |
| Agensi | Ketua Agensi |

TARIKH KUATKUASA

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.


PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Perenggan 47 (a), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

Tarikh: **13 APRIL 2006**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan